

Tarikh Dibaca: 21 November 2025M / 30 Jumadal Ula 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“NORMALISASI MAKSIAT:
UMPAMA API DALAM SEKAM”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"NORMALISASI MAKSIAT: UMPAMA API DALAM SEKAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : بَلْ قُلُوبُهُمْ فِي غَمْرَةٍ مِّنْ هَذَا وَلَهُمْ أَعْمَلٌ مِّنْ
دُونِ ذَلِكَ هُمْ لَهَا عَمِلُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ Al-Mukminun: 63.

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk ***"NORMALISASI MAKSIAT: UMPAMA API DALAM SEKAM"***.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hari ini kita hidup dalam zaman yang sangat mencabar. Perbuatan maksiat bukan lagi sesuatu yang disembunyikan, bahkan kadangkala dilakukan secara terbuka dan tanpa segan silu. Kini, ia dinormalisasikan seolah-olah diterima umum dan seperti tidak ada langsung tegahan dalam agama, sedangkan pada sisi Allah SWT, yang haram tetap haram, walau seluruh dunia menganggapnya perkara biasa.

Budaya ini berlaku secara terang-terangan di sekeliling kita. Permainan berunsur judi kini berada di hujung jari, boleh diakses dengan begitu mudah melalui telefon pintar dan laman sesawang. Pergaulan bebas berlaku secara terbuka di khalayak umum, tanpa rasa segan dan malu.

Status dan kandungan di media sosial pula sering kali menjurus kepada dosa. Ada yang tanpa segan menayang aurat, menyebarkan kata-kata dusta, bahkan berbangga dengan maksiat yang dilakukan. Gambar dan video yang jelas memperlihatkan aurat kini dipertontonkan atas nama fesyen, manakala kata-kata lucu dan gurauan tidak sopan dijadikan bahan ketawa dalam meraih populariti. Inilah hakikat dosa yang tidak lagi dirasakan sebagai dosa, dan rasa malu kepada Allah SWT seakan hilang, seolah-olah tiada siapa yang mengawasi dan menilai.

Hakikatnya, ramai yang terjerumus ke dalam maksiat bukan kerana jahil tentang hukumnya, tetapi kerana hati yang semakin terbiasa dengan

dosa yang diulang berkali-kali hingga akhirnya hilang rasa bersalah. Wujud juga segelintir umat Islam yang berbangga dengan perbuatan maksiat atas nama kebebasan dan hak asasi manusia. Inilah kesan daripada budaya hiburan melampau dan fahaman liberal yang terlalu terbuka sehingga menghapuskan batas halal dan haram yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Jika kita amati, ada yang bergelumang dalam perbuatan maksiat tetapi tidak pernah kembali kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taubat. Ada yang hanya berhenti apabila ditimpa musibah, sama ada kerana sakit, kehilangan harta, atau sekadar kerana sudah tiada lagi kesempatan untuk melakukannya. Hakikatnya, itu bukanlah taubat yang sebenar. Itu hanyalah berhenti kerana terpaksa, bukan kerana insaf dan takut kepada Allah SWT.

Allah SWT telah mengingatkan dalam surah al-Mukminun ayat 63 seperti yang telah dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"(Sekalipun demikian, orang yang ingkar tidak juga berfikir) bahkan hati mereka tenggelam dalam kejahilan dan lalai daripada memahami al-Quran ini dan mereka mempunyai perbuatan lain (buruk) yang dilakukan oleh mereka terus-menerus."

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Setiap manusia dikurniakan anggota tubuh sebagai amanah daripada Allah SWT. Mata, telinga, lidah, tangan, kaki dan seluruh jasad ini adalah pinjaman, bukan hak milik mutlak kita. Di dunia ini, ia sepatutnya menjadi alat untuk kita beramal, namun di akhirat kelak, ia akan menjadi saksi terhadap setiap perbuatan kita.

Mata, apabila tidak dijaga, akan mudah terpicat pada perkara yang diharamkan. Telinga, apabila dibiarkan, akan leka mendengar perkara sia-

sia dan batil. Lidah yang tidak dikekang pula, akan menabur dusta, membuka aib, menyalakan fitnah dan mencetuskan perbalahan.

Begitu juga perut yang tidak dijaga, akan diisi dengan makanan yang haram atau sumber yang diperoleh secara batil. Kemaluan, jika tidak dikawal, akan menjadi punca kepada zina dan segala bentuk kekejian. Tangan juga boleh menjadi alat dosa jika disalahgunakan. Dan kaki, apabila melangkah ke tempat maksiat, maka setiap langkahnya adalah perjalanan menuju kemurkaan Allah SWT.

Rasulullah SAW pernah menegaskan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawasanya baginda SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنِ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا
مَحَالَةَ، فَرَزْنَا الْعَيْنَ النَّظْرُ، وَزَيْنَا اللِّسَانَ الْمَنْطِقُ، وَالنَّفْسُ
تَمَنَّى وَتَشْتَهِي، وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ كُلَّهُ وَيُكَذِّبُهُ.

"Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi setiap anak Adam bahagiannya daripada zina, dia pasti akan mendapatkannya, tidak dapat dielakkan. Maka zina kedua mata ialah pandangan, zina lidah ialah ucapan, dan hati berkeinginan serta bernaifu. Adapun kemaluanlah yang akan membenarkan (melakukan) semua itu atau mendustakannya (meninggalkannya)."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Muslimin yang berbahagia,

Tabiat dosa ini aneh. Ia bermula dengan rasa malu dan takut. Namun apabila nafsu dirangsang dan syaitan mula membisik, manusia akan terdorong untuk mencuba. Sekali dua kali, hatinya masih gelisah. Tetapi apabila dosa itu tidak segera ditebus dengan taubat, ia akan menjadi kebiasaan yang diulang-ulang sehingga akhirnya menjadi gaya hidup. Hati pun mula menjadi gelap, hilang rasa sensitif dan dosa tidak lagi terasa janggal apabila dilakukan.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya apabila seorang hamba melakukan satu kesalahan (dosa), akan muncul satu titik hitam di dalam hatinya. Maka apabila dia berhenti (daripada dosa itu), beristighfar dan bertaubat, hatinya akan disucikan. Namun jika dia kembali (mengulangi dosa itu), titik hitam itu akan bertambah sehingga menutupi seluruh hatinya. Itulah firman Allah: 'Sekali-kali tidak! Bahkan telah tertutup hati mereka oleh dosa yang mereka lakukan.'" (Surah al-Mutaffifin, ayat 14)

(Riwayat al-Tirmizi).

Demikianlah sifat dosa yang tidak disucikan dengan taubat. Ia menumpuk, mengeras, lalu membungkus hati hingga hilang rasa malu dan hilang rasa bersalah. Manusia akhirnya tidak berhenti kerana bertaubat, tetapi kerana kepenatan berbuat dosa. Padahal taubat yang hakiki menuntut tiga perkara iaitu berhenti, menyesal, dan berazam untuk tidak kembali mengulanginya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 17 yang bermaksud:

"Sesungguhnya penerimaan taubat di sisi Allah hanyalah bagi orang yang melakukan kejahatan lantaran kejahilan, kemudian mereka segera bertaubat. Maka, (dengan adanya dua sebab itu), taubat mereka diterima Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Saat maksiat berleluasa hingga menjadi budaya, ketika dosa dipandang ringan dan tidak lagi menggetarkan hati, umat Islam sama sekali tidak boleh memilih jalan berdiam diri. Diamnya kita terhadap kemungkaran hanya akan menjemput bala. Maka wajib bagi kita menyatakan yang benar, mencegah yang salah dan memelihara masyarakat sekeliling daripada tenggelam dalam gelombang normalisasi maksiat.

Rasulullah SAW telah memberi panduan jelas dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radiallahuanhu* yang bermaksud:

"Sesiapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya; jika dia tidak mampu, maka dengan lisannya; jika dia tidak mampu juga, maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman."

(Riwayat Muslim).

Ketiga-tiga tahap yang disebutkan Baginda SAW itu merupakan tanggungjawab besar umat Islam dalam mencegah kemungkaran. Tahap pertama bagi mereka yang mempunyai kuasa dan kedudukan, wajib bertindak dengan 'tangan' iaitu menggunakan kemampuan, undang-undang dan kuasa yang ada untuk membendung kemungkaran. Tahap kedua adalah

bagi para ulama dan pendakwah yang mesti berperanan dengan lisan melalui nasihat, teguran dan penerangan agar masyarakat tidak terus hanyut dalam perbuatan maksiat. Dan tahap ketiga adalah bagi orang awam yang mungkin tidak punya kuasa atau kemampuan, tetapi tetap memikul tanggungjawab dengan hati, iaitu menolak maksiat, tidak menyokong dan tidak berkongsi, walau sekadar dengan "like" atau "share" di media sosial.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Syaitan tidak akan pernah berhenti tapi jangan kita jadikan syaitan sebagai alasan. Kita sedar bisikannya mungkin membawa rasa putus asa. Ada yang ingin berubah, tetapi terperangkap dengan rasa bersalah, merasa dosa terlalu banyak, terlalu besar. Lalu mereka menyangka rahmat Allah SWT sudah tertutup buat mereka. Sedangkan Allah SWT berfirman dalam surah al-Zumar ayat 53:

لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

"Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa! Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Oleh yang demikian, jangan sekali-kali kita normalisasikan perbuatan maksiat. Setiap hati yang masih mempunyai rasa bersalah, sebenarnya masih punya harapan. Setiap air mata penyesalan yang keluar, sebenarnya masih punya peluang untuk kembali. Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat berapa banyak dosa yang kita lakukan, tetapi sejauh mana kita mahu

kembali kepada-Nya dengan taubat dan istighfar memohon keampunan serta tekad memperbaiki diri.

Para Tetamu Allah SWT yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita mengambil pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita, iaitu:

1. Kita hendaklah menjauhi dosa dan maksiat, kerana setiap dosa yang dilakukan akan menggelapkan hati dan menjauhkan diri daripada rahmat Allah SWT.
2. Kita hendaklah bertaubat dengan sebenar-benarnya, bukan kerana terpaksa, tetapi lahir daripada penyesalan dan tekad untuk tidak mengulangnya lagi.
3. Kita hendaklah yakin bahawa rahmat Allah SWT sentiasa terbuka untuk hamba yang ingin kembali, maka jangan berputus asa daripada rahmat-Nya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا
لِدُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ
يَعْلَمُونَ.

"Dan mereka yang apabila melakukan perbuatan keji atau menzalimi diri mereka sendiri, mereka segera mengingati Allah lalu mereka memohon keampunan bagi dosa-dosa mereka. Dan tiada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan

perbuatan keji itu sedangkan mereka mengetahui (kesalahan dan akibatnya).”

(Surah Ali ‘Imran :135).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.